

FASAL 3

KEPENTINGAN AQIDAH DALAM ISLAM

KEPENTINGAN AQIDAH DALAM ISLAM

Dalam Islam, iman yang berlandaskan aqidah adalah menjadi asas sesuatu amalan, di mana amalan-amalan seseorang tidak akan diterima oleh Allah kecuali amalan-amalan yang dilakukan oleh orang-orang yang beriman yang berlandaskan aqidah.

Justeru itu mereka yang tidak beriman dengan Allah dan tidak mengharap pahala dari-Nya, dan tidak takut seksaan-Nya, dan beramal bukan kerana menuntut keredhaan Allah, dan tidak pula mengambil kira (tidak menghiraukan) adakah amalan-amalan mereka itu sah atau batal, dan adakah perbuatan mereka halal atau haram, maka mereka yang bersikap demikian tidak berhak menerima pahala dari Allah di atas amalan-amalan yang mereka kerjakan itu.

Ini ialah kerana mereka itu adalah orang yang tidak beriman kepada Allah (orang yang kafir) dan tidak menghendaki balasan pahala daripada Tuhan mereka dan juga amalan yang dikerjakan oleh mereka tidak mencari keredhaan Allah yang menjadikan mereka itu.

Orang-orang yang tidak beriman kepada Allah (orang yang kafir) adalah diseksa disebabkan kekufuran dan kesesatan mereka, kerana tidak menyelidiki agama Allah (agama Islam) dan tidak mahu mendengar wahyu Ilahi yang disampaikan oleh para rasul, terutama apabila mereka mendengar dan dibacakan ayat-ayat Allah, mereka memperolok-olokkan dan mempersendakan. Oleh itu amalan mereka ditolak (tidak diterima), dan mereka diseksa di atas kekufuran mereka itu.

Firman-firman Allah Subhanahu Wataala:

1. **Firman Allah Taala :**

وَقَدْ مَنَّآ إِنَّا مَاعْمِلُوا مِن عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ نَبْءًا مَّنشُورًا .

سورة الفرقان: ٢٣

Dan Kami (Allah) tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka itu telah kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan.

[Surah al-Furqan : 23]

Firman Allah Taala ini dengan tegas menyatakan : Apa jua amal yang baik yang pernah dilakukan oleh orang-orang yang tidak beriman kepada Allah (orang-orang yang kafir) di dunia dahulu akan terbuang sahaja pada hari kiamat kelak dan tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka disebabkan kekufuran mereka itu.

2. **Firman Allah Taala :**

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْعَظِيمُ .

سورة ابراهيم: ١٨

Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang kufur ingkar terhadap Tuhannya, ialah seperti abu yang diterbangkan oleh angin pada hari ribut yang kencang, mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.

[Surah Ibrahim : 18]

Firman Allah Taala tersebut menyatakan segala apa yang telah mereka amalkan dan usahakan yang tidak berdasarkan keimanan yang berlandaskan aqidah yang sah, dan tidak pula mengikut jalan yang betul benar, atau yang mendatangkan kebaikan kepada mereka pada hari akhirat kelak adalah sesuatu amalan dan usaha yang sia-sia, dan tidak mendapat apa-apa balasan daripada Allah Taala.

3. Firman Allah Taala :

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ
لِّقَمْعَةٍ يُفْبِقُونَ يَحْسَبُ الظَّمْثَانُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا لَجَّاهُمُ
لُرَجْمَةٌ شَيْتٌ وَوَجَدَ اللَّهُ عِنْدَهُ فُوقَهُ حِسَابَهُ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

سورة النور: ٣٩

Dan orang-orang yang kafir (orang-orang yang tidak beriman kepada Allah), amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata, yang disangka air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati suatu yang disangkanya itu. (Demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah menyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya). Dan ingatlah! Allah amat segera hitungan hisab-Nya.

[Surah an-Nur : 39]

Firman Allah Taala ini menerangkan perihal orang-orang yang tidak beriman (orang-orang kafir) akan rugi dan hampa di akhirat kelak, kerana amal-amal mereka yang baik yang dapat menolong mereka, tidak dapat menyelamatkan mereka dari azab seksa Allah. Mereka adalah ibarat orang dahaga di padang pasir pada tengah hari yang terik panasnya. Ia melihat riak sinaran panas dari jauh seperti air, dan setelah ia sampai ke situ hampalah hatinya, kerana tidak didapatinya sesuatu apa pun.

Sehubungan dengan ini, aqidah bukan sahaja hanya menjadi suatu kepentingan dalam Islam, tetapi adalah juga merupakan suatu perkara yang terpenting dalam hidup dan kehidupan manusia sehari-hari, di mana mereka yang hidup di dunia ini tanpa aqidah, dan dengan erti kata yang lain mereka yang jahil dalam aqidah adalah seperti seorang buta yang tidak kenal keadaan dan bentuk diri mereka sendiri.

Begitulah halnya orang-orang yang hidup di dunia ini tanpa aqidah (jahil dalam aqidah). Mereka tidak tahu :

- Siapakah yang menjadikannya?
- Kenapakah mereka dijadikan?
- Apakah hikmah (rahsia dan falsafah hidup manusia di muka bumi ini?).
- Bagaimana permulaan dan kesudahan hidup mereka di dunia ini?
- Setelah mereka keluar dari dunia (mati) ke mana mereka akan pergi?
- Setelah mereka mati adakah akan dihidupkan kembali?

Dalam aqidah Islam, mereka yang tidak mengenal Allah yang mencipta alam dunia ini, dan tidak kenal yang menjadikan diri mereka sendiri adalah orang yang hidup tidak bertauhid dan tidak ber'aqidah. Dan mereka itu adalah hidup di dalam kekufuran yang hanya hidupnya untuk makan dan minum sahaja sebagaimana haiwan, dan tempat kedudukan mereka adalah di dalam neraka.

Firman Allah s.w.t. :

وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَسْتَمِعُونَ وَهُمْ لَا يَذَّكَّرُونَ كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَامُ وَالنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ .

سورة محمد : ١٢

Orang-orang yang kafir menikmati kesenangan (di dunia) serta mereka makan minum sebagaimana binatang-binatang ternak makan minum, sedang nerakalah menjadi tempat tinggal mereka (kediaman mereka).

[Surah Muhammad : 12]

Aqidah mempunyai peranan penting juga dalam hidup dan kehidupan seseorang manusia untuk menanamkan semangat keimanan dalam hati mereka. Seseorang manusia yang hidup di alam dunia ini dan tidak tertanam dalam hatinya rasa keimanan adalah mereka yang terpedaya oleh kesenangan hidup di dunia.

Oleh itu mereka yang hidup di dunia ini tanpa dipandu oleh aqidah dan tidak tertanam dalam hatinya semangat keimanan, mereka sentiasa merasa gembira hidup di dunia, dan berangan-angan hidup di dunia ini lebih lama. Firman Allah Taala:

وَلَنَجْذِبَهُمْ إِلَىٰ أَعْمَارِهِمُ الَّتِي كَانُوا يَعْمُرُونَ ۗ وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
لَوْ يُعَمَّرُونَ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحَّضٍ بِهِ مِنْ عَذَابٍ ۗ لَوْ أَنَّهُمْ بَصِيرَاتٍ
يَعْمُرُونَ .

سورة البقرة: ٩٦

Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu seloba-loba manusia kepada hidup lama, dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, pada hal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan.

[Surah al-Baqarah : 96]

Oleh yang demikian beraqidah dan bertauhid dalam Islam dan hidup di dunia adalah suatu perkara yang penting untuk memperoleh kebaikan di dunia dan di akhirat. Seseorang yang telah nyata kejahilannya dalam ilmu aqidah (*aqidah al-iman*) atau ilmu tauhid, binasalah aqidah dan amalan-amalan mereka, dan banyak maksiat dan dosa yang akan berlaku, dan timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana.

Firman Allah s.w.t. :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا

لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

سورة الروم: ٤١

Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

[Surah ar-Rum : 41]

Bala bencana yang diturunkan Allah tidak putus-putus di sana sini adalah disebabkan banyak perbuatan maksiat yang dilakukan oleh umat manusia sendiri, kerana kejahilan mereka dalam aqidah dan tauhid. Dengan erti kata yang lain : hidup mereka itu selaku seorang muslim tidak berasaskan aqidah dan tauhid.

MEMBENTUK DIRI MANUSIA DI DUNIA DAN DI AKHIRAT

Seseorang manusia yang hidup di dunia sebagai Darul Fana' (negeri yang binasa) dan hidup di akhirat sebagai Darul Baqa' (negeri yang kekal abadi) hendaklah membentuk diri mereka dengan iman dan Islam yang berasaskan aqidah yang sah.

Ini bermakna aqidah merupakan asas utama untuk membentuk diri manusia menjadi seorang mukmin dan muslim (seorang yang beriman dan beragama Islam). Dengan sebab itulah Allah s.w.t. menyuruh umat manusia dalam hidup dan kehidupan mereka sehari-hari beriman dan menganut agama Islam. Firman-firman Allah Azza Wajalla:

1. Firman Allah Taala:

1. *اٰمِنُوْا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ وَاَلِكِتٰبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلٰى رَسُوْلِهِ وَاَلْحِكْمَةِ
الَّذِي اَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللّٰهِ وَمَلٰٓئِكَتِهٖ وَكُتُبِهٖ وَرَسُوْلِهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلٰلًا بَعِيْدًا.*

سورة النّٰا: ١٣٦

Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Nabi Muhammad s.a.w.), dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu, dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan malaikat-malaikat-Nya dan kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya, dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya.

[Surah an-Nisa' : 136]

2. Firman Allah Taala:

2. *فَاٰمِنُوْا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ وَاَلتَّوْرَةِ الَّذِي اَنْزَلْنَا وَاَللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ.*

سورة التغابن: ٨

Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya serta kepada penerang cahaya (al-Quran) yang Kami turunkan. Dan (ingatlah) Allah amat mendalam pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.

[Surah at-Taghabun : 8]

3. Firman Allah Taala:

3. *ءَاٰمِنُوْا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَلْفِيْنَ فِيْهِ فَاَلَّذِيْنَ ءَاٰمَنُوْا مِنْكُمْ*

وَأَنْفِقُوا لَهُمْ أَنْجَارًا كَبِيرًا

سورة الحديد: ٧

Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala.

[Surah al-Hadid :7]

Mengenai dengan Islam, Allah Taala berfirman sebagaimana berikut:

1. Firman Allah Taala:

1. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً .

سورة البقرة: ٢٠٨

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukum-Nya.

[Surah al-Baqarah : 208]

2. Firman Allah Taala:

2. إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ .

سورة آل عمران: ١٩

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah agama Islam.

[Surah Ali Imran : 19]

3. Firman Allah Taala:

3. الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

سورة المائدة: 3

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhai agama Islam itu menjadi agama kamu.

[Surah al-Maidah : 3]

Aqidah membentuk diri manusia di dunia dan di akhirat, kerana tertakluk di bawah aqidah itu iman dan Islam. Iman membentuk diri manusia dalam perkara-perkara batin, iaitu mempercayai Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, takdir baik dan jahat.

Iman juga membentuk diri manusia bersifat sabar, mengasihi saudara seagama sebagaimana mengasihi diri sendiri, bercakap dalam perkara-perkara kebajikan, memuliakan tetamu, menghubungkan silaturahim, tidak menyakiti jiran tetangga dan lain-lainnya. Semua perkara tersebut adalah timbul dari keimanan yang dibentuk oleh aqidah.

Islam membentuk diri manusia dalam perkara-perkara zahir, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang fardu lima waktu sehari semalam, berpuasa pada bulan Ramadhan, berzakat dan mengerjakan haji ke Baitullah. Oleh itu dalam aqidah Islam, iman dan Islam tidak boleh dipisahkan, kerana kedua-duanya tertakluk di bawah aqidah yang membentuk diri manusia di dunia dan akhirat.

Andainya seseorang itu tidak mempercayai perkara-perkara batin tersebut yang boleh diistilahkan sebagai rukun iman, dan tidak melaksanakan perkara-perkara yang zahir sebagaimana yang dinyatakan yang boleh diistilahkan pula sebagai rukun Islam adalah bermakna hidup mereka itu tidak beraqidah, dan diri mereka tidak dapat dibentuk dengan aqidah, kerana mereka itu termasuk dalam golongan orang yang tidak beriman dan tidak Islam. Dan hidup mereka itu tidak beraqidah dan tidak bertauhid.

HUBUNGAN DENGAN ALLAH DAN HUBUNGAN SESAMA MANUSIA

Dalam hidup dan kehidupan manusia sehari-hari di dunia ini mempunyai hubungan dan pertalian dengan Allah yang Maha Esa dan hubungan sesama manusia.

Hubungan manusia dengan Allah adalah diikat oleh aqidah melalui kalimah tauhid yang mengaku tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah yang Maha Esa sebagaimana firman-firman Allah Taala :

1. Firman Allah Taala:

1. تَعْلَمُونَ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ .

سورة محمد : ١٩

Maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah.

[Surah Muhammad : 19]

2. Firman Allah Taala:

2. شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابًا بِأَلْقَابٍ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ .

سورة آل عمران : ١٨

Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian), tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang Maha Kuasa, lagi bijaksana.

[Surah Ali Imran : 18]

Pengakuan seseorang manusia (tiada tuhan yang berhak disembah) yang diikrarkannya dalam kalimah syahadah (*Laaila haillallah*) adalah membuktikan bahawa hubungan manusia dengan Allah adalah berdasarkan aqidah dan tauhid. Dan hubungan ini adalah hubungan di antara Khaliq dengan makhluk (yang menjadikan dengan yang dijadikan), iaitu hubungan Allah dengan makhluk-makhluk-Nya (manusia).

Dengan erti kata yang lain manusia yang menghubungkan dirinya dengan Allah pada semua perkara dan pekerjaan adalah bermakna mereka telah mentauhidkan *rububiyah* Allah, iaitu mengiktikadkan dengan iktikad yang pasti bahawa Allah yang Maha Esa dan berkuasa adalah menjadikan dan mentadbir semua perkara dan pekerjaan manusia di alam dunia ini.

Oleh itu aqidah dan tauhid adalah menjadi asas agama. Dan Allah menjadikan manusia adalah untuk menyembah dan beribadat kepada-Nya, dan menghubungkan di antara manusia dengan Allah. Firman Allah s.w.t. :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ.

سورة الذاريات: ٥٦

Dan (ingatlah!) Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

[Surah az-Zaariyaat : 56]

Mengenai perhubungan manusia sesama manusia, aqidah dan tauhid menghubungkan dan mengikat mereka itu dengan dua kalimah syahadah, iaitu:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Aku bersaksi - mengaku tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah, dan Aku bersaksi - mengaku bahawa Nabi Muhammad itu adalah utusan Allah.

Ikrar seseorang yang sama-sama mengaku Allah Taala Tuhan yang disembah dengan sebenarnya, dan Nabi Muhammad utusan Allah adalah orang yang sama-sama beriman dengan Allah dan Rasul-Nya, dan sama-sama beragama dengan agama Islam (agama yang diredhai Allah), di mana mereka yang berhubung sesama manusia dalam agama Allah telah diberi hidayah oleh Allah ke jalan yang benar.

Firman Allah Azza Wajalla :

وَمَنْ يَتَمَسَّكْ بِاللَّهِ فَقَدِ هُدِيَ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ .

سورة آل عمران: ١٠١

Dan sesiapa yang berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus).

[Surah Ali Imran : 101]

Hubungan manusia sesama manusia dalam agama Allah yang telah diikat oleh aqidah dan tauhid akan menimbulkan semangat kerjasama mereka memperjuangkan hak agamanya dan kesuciannya dengan mengorbankan harta benda dan jiwa mereka kerana didorong oleh keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah Taala :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ .

سورة الحجرات: ١٥

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya) dengan tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

[Surah al-Hujurat : 15]

Hubungan manusia sesama manusia dalam mentauhidkan Allah, amalan dan pekerjaan mereka tertakluk di bawah tadbir Tuhan yang satu (Allah Taala) dan kitab yang satu (al-Quran) dan Rasul yang satu (Nabi Muhammad s.a.w.), dan kiblat yang satu (Kaabah).

Dengan tercantumnya perkara-perkara tersebut dalam hati seseorang tadi akan timbul perasaan kasih sayang dan perpaduan umah dalam ikatan yang satu, iaitu ikatan ukhuwwah Islamiah (persaudaraan dalam agama Islam). Firman Allah Taala:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ

سورة الحجرات: ١٠

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah).

[Surah al-Hujurat : 10]

MENGUKUHKAN KEYAKINAN MANUSIA KEPADA BERAGAMA

Fitrah manusia yang hidupnya perlu beragama, aqidah menjadi asas utama untuk mengukuhkan keyakinan manusia kepada beragama. Islam selaku agama yang sesuai dengan fitrah manusia perlu dipandu oleh aqidah, agar mereka benar-benar menjadi seorang insan yang *kamil* yang berasaskan aqidah, kerana dengan aqidahlah seseorang manusia tadi menjadi orang yang beriman dan Islam.

Seseorang yang beriman dan Islam yang tidak berasaskan keimanan dan keislaman mereka dengan aqidah, keyakinan mereka kepada agamanya tidak kukuh kerana tidak ada panduan dan asas yang boleh mengukuhkan mereka itu kepada beragama, dimana keimanan dan keislaman mereka itu dengan

mudahnya boleh diselewengkan oleh mereka yang memang sentiasa mencari jalan untuk merosakkan aqidah orang-orang yang beriman dan Islam.

Oleh yang demikian, adalah fardu 'ain (wajib) bagi setiap orang yang mukallaf lelaki dan perempuan mempelajari ilmu aqidah (*aqaid al-Iman*) atau ilmu tauhid untuk menjaga dan mengelakkan diri mereka dari iktikad-iktikad yang batil dan yang boleh merosakkan aqidah.

Mengenai mempelajari ilmu aqidah atau ilmu tauhid secara mendalam dan lebih luas lagi (lebih dari keperluan fardhu 'ain) hukumnya adalah fardu kifayah (bukan fardu 'ain), iaitu apabila sudah ada di antara orang-orang Islam di tempat mereka yang mengetahui masalah-masalah aqidah atau tauhid yang lebih mendalam dan lebih luas, gugurlah fardu belajar ilmu aqidah dan tauhid secara mendalam dan luas tadi ke atas orang Islam yang lain.

Sehubungan dengan ini, perlu dinyatakan bahawa maudhu' asasi di dalam al-Quran ialah maudhu' ilmu aqidah (*aqaid al-iman*) atau ilmu tauhid. Ini dapat dibuktikan bahawa setiap lembar di dalam kitab Allah (al-Quran) terdapat seruan Allah mengajak manusia beriman kepada Allah, atau malaikat-malaikat-Nya, atau kitab-kitab-Nya atau rasul-rasul-Nya, atau hari akhirat, atau takdir baik dan jahat.

Ayat-ayat al-Quran yang diturunkan sebelum Rasulullah s.a.w. berhijrah dari Mekah ke Madinah selama tiga belas tahun (ayat Makkiah) bolehlah dikatakan hampir seluruhnya membahaskan masalah-masalah di sekitar aqidah dan tauhid, dan juga masalah yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan fakta-fakta inilah ilmu aqidah atau ilmu tauhid menjadi suatu ilmu yang mengukuhkan keyakinan manusia beragama, dan juga suatu ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang yang mukallaf, supaya syahadah mereka itu betul, Islamnya betul, imannya sah, dan amalannya diterima Allah, kerana dengan mengetahui dan memahami ilmu tersebut mereka dapat mengajak manusia kepada agama Allah dengan hikmah, di mana dalam ilmu aqidah dan tauhid itu didapati dalil dan hujjah untuk menetapkan dan menyakinkan aqidah seseorang itu dan mengajak mereka beriman.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

KEPENTINGAN AQIDAH DALAM ISLAM IALAH :

1. Amalan-amalan seseorang tidak diterima oleh Allah, kecuali amalan-amalan orang yang beriman yang berasaskan aqidah.
2. Orang yang tidak beriman dan tidak mengharap pahala dari Allah, dan tidak takut seksa Allah, dan beramal bukan menuntut keredhaan Allah, tidak berhak menerima pahala daripada Allah.
3. Orang yang tidak beriman yang mengerjakan apa jua amalan yang baik di dunia, pada hari kiamat kelak tidak dapat memberi sebarang pertolongan kepadanya kerana kekufurannya di dunia dahulu.
4. Aqidah, suatu perkara yang terpenting juga dalam hidup dan kehidupan di dunia. Mereka yang jahil dalam aqidah seperti orang buta yang tidak kenal bentuk diri sendiri.
5. Mereka yang tidak mengenal Allah pencipta alam ini dan yang menjadikan diri mereka sendiri adalah orang yang hidup tidak beraqidah dan tidak bertauhid.
6. Aqidah menanamkan keimanan dalam hati seseorang. Mereka yang tidak tertanam dalam hatinya keimanan adalah mereka yang terpedaya oleh kesenangan hidup di dunia.
7. Mereka yang hidup di dunia tanpa dipandu oleh aqidah, dan tidak tertanam keimanan dalam hatinya, mereka selalu bergembira hidup di dunia ini dan berangan-angan hidup lebih lama.
8. Beraqidah dan bertauhid adalah suatu perkara yang terpenting untuk mendapat kebaikan dunia dan akhirat. Mereka yang jahil dalam aqidah, binasalah iman dan amalan mereka dan banyak maksiat dan dosa akan berlaku.
9. Mereka yang hidup di dunia dan di akhirat hendaklah membentuk diri mereka dengan iman dan Islam yang berasaskan aqidah yang sah.
10. Aqidah menjadi asas utama membentuk diri manusia menjadi seorang mukmin dan muslim, dan Allah menyuruh manusia hidup beriman dan beragama Islam.
11. Tertakluk di bawah aqidah itu iman dan Islam. Iman membentuk manusia mempercayai Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, takdir baik

dan jahat. Dan juga membentuk manusia bersifat sabar, takwa dan lain-lainnya.

12. Islam membentuk manusia beramal ibadat, seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lainnya, di mana iman dan Islam tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya tertakluk di bawah aqidah.

13. Mereka yang tidak mempercayai rukun iman dan rukun Islam adalah bermakna hidup mereka tidak beraqidah dan dirinya tidak dapat dibentuk dengan aqidah, dan mereka termasuk dalam golongan orang yang tidak beriman dan tidak Islam.

14. Kehidupan manusia di dunia mempunyai hubungan dengan Allah yang diikat oleh aqidah melalui kalimah tauhid, dan juga hubungan manusia sesama manusia yang diikat melalui dua kalimah syahadah.

15. Mereka yang berikrar sama-sama mengakui tuhan yang disembah, dan nabi Muhammad utusan Allah, dan sama-sama beragama Islam, dan sama-sama mendapat petunjuk hidayah dari Allah ke jalan yang benar, hubungan mereka adalah hubungan keimanan dan keagamaan.

16. Manusia yang menghubungkan dirinya dengan Allah pada semua urusan hidupnya, bermakna mereka telah mentauhidkan rabubiyah Allah, iaitu mengiktikadkan bahawa Allah menjadikan dan mentadbir semua urusan manusia di alam dunia ini.

17. Aqidah dan tauhid menjadi asas agama, dan Allah menjadikan manusia untuk menyembah dan beribadat kepada-Nya, dan menghubungkan di antara manusia dengan Allah.

18. Hubungan manusia sesama manusia dalam agama menimbulkan kerjasama membela keutuhan agama dengan mengorbankan harta dan jiwa yang didorong oleh keimanan yang padu.

19. Hubungan manusia sesama manusia mentauhidkan Allah dan amal ibadat tertakluk di bawah tadbir tuhan yang satu, kitab yang satu, rasul yang satu dan kiblat yang satu.

20. Hubungan manusia sesama manusia dalam keagamaan akan mewujudkan perpaduan, umah dalam ikatan yang satu, iaitu persaudaraan dalam agama Islam.

21. Aqidah menjadi asas utama untuk mengukuhkan keyakinan manusia kepada beragama yang menjadi fitrah manusia yang memerlukan hidup beragama.

22. Agama Islam, agama yang sesuai dengan fitrah manusia yang memerlukan panduan aqidah, supaya seseorang itu menjadi orang yang beriman dan Islam yang *kamilah* yang berasaskan aqidah Islamiah yang sahahah.
23. Keyakinan manusia beragama tidak akan menjadi kukuh tanpa berasaskan keimanan dan keislaman yang dipandu oleh aqidah. Dan keimanan serta keislaman mereka mudah diselewengkan oleh orang-orang yang berhasrat merosakkan aqidah orang-orang yang beriman dan Islam.
24. Setiap orang yang beriman fardu ain mempelajari ilmu aqidah atau ilmu tauhid, supaya aqidah mereka itu teguh dan kukuh, dan tidak boleh diselewengkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
25. Mempelajari ilmu aqidah atau ilmu tauhid dengan mendalam dan lebih luas adalah fardhu kifayah. Dan gugurlah fardhu kifayah itu, jika ada di antara orang-orang Islam di tempat mereka yang mengetahui masalah-masalah aqidah yang lebih mendalam dan luas tadi.
26. Maudhu' asasi di dalam al-Quran ialah maudhu' ilmu aqidah atau ilmu tauhid, kerana di dalam al-Quran banyak terdapat firman Allah menggesa manusia beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, qadha' dan qadar.
27. Firman-firman Allah yang turun sebelum Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah bolehlah dikatakan hampir seluruhnya membahaskan masalah-masalah di sekitar aqidah dan tauhid dan masalah-masalah yang berhubung dengannya.
28. Dalam ilmu aqidah dan tauhid didapati dalil-dalil naqli dan aqli dan juga hujjah-hujjah untuk menetapkan serta menyakinkan aqidah seseorang dan menjadikan syahadah mereka itu betul, Islamnya betul, imannya sah, dan amalan-amalannya diterima Allah.